

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 30.11.2017

Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan menyediakan "full pledged" perkhidmatan bank di Daerah Pitas memandangkan daerah ini semakin berkembang ekonominya dan perlu disokong oleh kewujudan perkhidmatan bank untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna dan peniaga tempatan memandangkan mereka terpaksa ke perkhidmatan terdekat di Kota Marudu hampir 70 kilometer jauhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khusus bagi daerah Pitas, Sabah, terdapat tujuh ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan satu

ejen Agrobank yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada penduduk setempat agar tidak perlu pergi jauh bagi keperluan perbankan asas mereka. Antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh ejen bank adalah seperti berikut :

- i) Mengambil deposit;
- ii) Mengendalikan pengeluaran wang;
- iii) Mengendalikan pindahan dana/wang;
- iv) Menerima pembayaran pinjaman/pembiayaan;
- v) Mengendalikan pembayaran bil; dan
- vi) Membuka akaun simpanan (BSN sahaja).

Di daerah Pitas, perkhidmatan ejen bank didapati efektif dalam membantu penduduk setempat untuk membuat transaksi perbankan, yang kebanyakannya terdiri daripada transaksi asas seperti pengambilan deposit dan pengeluaran wang. Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) juga akan terus bekerjasama dengan industri perbankan bagi meluaskan perkhidmatan ejen bank secara berperingkat untuk menambahbaik perkhidmatan/servis sedia ada.

Bank-bank terbabit telah memberi komitmen untuk terus memantau tahap penggunaan perkhidmatan ejen perbankan oleh penduduk setempat bagi mengkaji keperluan untuk menubuhkan sebuah cawangan perbankan. Pejabat Wilayah Kota Kinabalu Bank Negara Malaysia juga akan terus mengadakan sesi penglibatan komuniti dengan penduduk setempat untuk menentukan sama ada penduduk setempat memerlukan perkhidmatan perbankan tambahan.

Selain daripada perkhidmatan ejen bank dan cawangan bank, penduduk Pitas juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan yang mudah daripada rangkaian perbankan di talian untuk melaksanakan pelbagai transaksi perbankan, termasuk untuk membayar pinjaman dan bil utiliti sama ada melalui internet persendirian atau di Pusat Internet

45

1Malaysia yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.